

ACN -
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA
INV.

PERDAGANGAN DAN PERKAPALAN MELAYU
DI SELAT MELAKA DARI ABAD
KE-15 HINGGA ABAD KE-18


⑦^{12/Jan}

oleh

Ahmad Jelani bin Halimi

Tesis Untuk Memenuhi Keperluan
Ijazah Doktor Falsafah
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

1999



Perpustakaan Universiti Malaya



A510031182

PENGAKUAN

Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



AHMAD JELANI BIN HALIMI

1999

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana dengan taufik dan inayatNya penulisan disertasi ini dapat diselesaikan. Sesungguhnya tanpa bantuan dan pertunjukNya, tidak mungkin perkerjaan ini dapat disempurnakan.

Rakaman penghargaan yang setinggi-tinggi dan setulus hati pengkaji tujukan kepada Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd. Yusoff Hashim dan Prof. Dr. Lee Kam Hing selaku penyelia dan penyelia bersama disertasi ini sejak awal hingga selesai. Kepada mereka pengkaji sangat terhutang budi kerana bukan sahaja telah memberi kerjasama dan tunjuk ajar yang sangat dihargai, malah kerana nasihat dan teguran-teguran yang diberikan ke arah perbaikan dan persembahan disertasi ini keseluruhannya.

Selain daripada itu, pengkaji juga tidak melupakan pihak-pihak tertentu khususnya Dr.E.U.Kratz dari *School of Oriental and African Studies (S.O.A.S.)*, Universiti London yang telah memberi kebenaran kepada pengkaji membaca beberapa pucuk surat dari koleksi *Francis Light's Letters* dalam jagaan beliau. Di samping itu pengkaji juga berterima kasih kepada pihak perpustakaan S.O.A.S. dan *bibliotheek* serta *Koninklijk Instituut Voor Taal-, Land-en Volkenkunde* Universiti Leiden, Belanda kerana memberi kesempatan kepada pengkaji menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada di tempat-tempat itu. Tidak lupa juga pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. M.R.Fernando dari Pusat Pengajian Ilmu

Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang telah memberi sedikit sebanya pertunjuk dalam menyiapkan disertasi ini.

Akhir sekali pengkaji tidak juga lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Sains Malaysia sendiri yang telah bermurah hati membenarkan pengkaji bercuti selama empat tahun di bawah Skim Rancangan Pengajian Tinggi Kakitangan Akademik Universiti Sains Malaysia.

Walaupun begitu banyak bimbingan dan nasihat yang diberikan serta usaha pengkaji sendiri untuk menyempurnakan disertasi ini, namun kelemahan dan kesilapan tetapi juga wujud. Dalam hal ini, pengkaji bertanggungjawab sepenuhnya di atas segalanya kelemahan itu.

Jazakumu 'Llah khairan kathira. Amin.

Ahmad Jelani bin Halimi

Universiti Malaya

1999.

KANDUNGAN

	Halaman
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Kandungan	v
Peta, Gambar dan Jadual	vii
Abstrak	viii
Kependekan	xii
Pendahuluan	1
Pengenalan	6
Bab I. Perdagangan dan Perkapalan Awal	18
I.1. Perdagangan dan Perkapalan Nusantara Sehingga Abad ke-15M	
I.2. Perkembangan Perdagangan di Nusantara	
I.3. Perdagangan dan Perkapalan di Nusantara pada Abad ke-15 hingga 17M	
I.4. Kebangkitan dan Perkembangan Kerajaan Melayu Melaka	
I.5. Perkapalan dan Perdagangan Melaka	
I.6. Pedagang Melaka	
I.7. Portugis di Melaka 1511-1641M	
Bab II. Pelabuhan dan Pegawai Perdagangan Melayu	73
II.1. Pelabuhan dan Pusat-pusat Perdagangan di Pesisir Selat Melaka	
II.2. Pentadbiran dan pegawai-pegawai Perdagangan dan Pelabuhan	
Bab III. Pedagang dan perdagangan Melayu	152
III.1. Pedagang Melayu - Siapa Mereka?	
III.2. Undang-undang Perdagangan Melayu	

III.3. Cara Berdagang dan perhubungan dengan Pedagang Asing.

 **Bab IV. Kewangan dan Matawang**

197

- IV.1. Pembiayaan dan Modal
- IV.2. Insuran
- IV.3. Matawang.

Bab V. Kapal dan pelaut Melayu

219

- V.1. Jenis-jenis kapal yang digunakan
- V.2. Pelaut-pelaut Melayu
- V.3. Undang-undang laut Melayu

Bab VI. Perlanunan dan Perdagangan

259

- VI.1. Istilah Janun
- VI.2. Perdagangan dan perlanunan/perompakan di laut
- VI.3. Sebab-sebab perompakan di laut
- VI.4. Kegiatan perompakan di laut Selat Melaka pada abad ke-18M
- VI.5. Puak Iranun dalam kegiatan perompakan di Selat Melaka
- VI.6. Kesan perompakan di laut terhadap perdagangan di Selat Melaka.

**Bab VII. Perkapalan dan Perdagangan Melayu di Melaka
Pada Separuh Kedua Abad ke-18M**

302

- VII.1. Pelabuhan Melaka
- VII.2. Perkapalan Melayu di Melaka
- VII.3. Perdagangan Melayu - Import
- VII.4. Perdagangan Melayu - Eksport.

Kesimpulan

342

Bibliografi

354

Lampiran

387

PETA, GAMBAR DAN JADUAL

Peta

Peta Selat Melaka dan Kawasan Sekitarnya

Gambar

1. Perahu-perahu Nusantara Abad ke-15 - 16M
2. Sebuah Jong Asia Tenggara
3. Sebuah Perahu Dagang Orang Melayu Abad ke-18M
4. Perahu Mayang
5. Sebuah Penjajab
6. Sebuah model Perahu Padewakang
7. Sebuah Pencalang
8. Sebuah model Kakap
9. Sebuah model Perahu Patorani
10. Sebuah model Palari
11. Sebuah Kora Kora
12. Perahu-perahu perompak laut Sulu

Jadual

1. Jenis perahu orang Melayu
2. Jenis dan jumlah perahu Melayu yang singgah di Melaka
3. Nakhoda dari rumpun Melayu di Melaka
4. Nakhoda Melayu berpengkalan di pelabuhan-pelabuhan di sekitar Selat Melaka
5. Kapal-kapal Melayu yang singgah di Melaka dari pelbagai pelabuhan di sekitar Selat Melaka
6. Perahu-perahu Melayu yang pulang dari pelabuhan-pelabuhan lain untuk berpengkalan di Melaka
7. Perahu dan kargo yang dibawa ke Melaka oleh nakhoda Melayu dalam bulan Januari 1783
8. Perahu dan kargo yang dibawa oleh nakhoda Melayu ke Melaka dalam bulan Februari 1791
9. Import garam ke Melaka
10. Garam yang diangkut oleh perahu-perahu Melayu ke Melaka
11. Import kain ke Melaka
12. Eksport pelbagai jenis kain dari Melaka ke pelabuhan-pelabuhan di pesisir Selat Melaka
13. Eksport gula dari Melaka ke pelabuhan-pelabuhan sekitar Selat Melaka

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu penyelidikan tentang sejarah perdagangan dan perkapan orang Melayu dengan tumpuan khusus kepada perdagangan dan perkapalan di Selangor Melaka dari abad ke-15 hingga abad ke-18M. Dari segi pendekatan, kajian bertolak daripada pendekatan sintesis atau pendekatan persambungan dan perubahan. Pendekatan ini melihat berlakunya persinambungan di tengah-tengah perubahan yang muncul di sana-sini baik dari segi perdagangan maupun dari segi perkapalan.

Memang wujud satu hipotesis bahawa orang Melayu sejak zaman purba sudahah menjalankan perdagangan secara besar-besaran, baik kerana kedudukan kawasan tempat tinggal mereka yang strategik dari sudut pelayaran maupun kerana wujud hasil dagangan yang menjadi permintaan antarabangsa di kawasan mereka. Akhir tetapi setelah kajian dijalankan, hipotesis ini tidak dapat dipertahankan sepenuhnya. Banyak kelainan yang berlaku mengikut masa (zaman) dan tempat.

Dari sudut pelayaran dan perkapalan, kajian ini mendapati bahawa memang orang Melayu telah mewarisi tradisi ini sejak zaman purba hingga ke abad ke-19M. Mereka menggunakan pelbagai jenis perahu atau kapal, baik yang besar maupun yang kecil dengan undang-undang laut mereka sendiri. Namun demikian, menjelang abad ke-15M dan seterusnya, kelihatan size perahu-perahu yang digunakan telah mena-

semakin kecil oleh sebab pertukaran peranan yang dimainkan oleh perkapalan Melayu ini, iaitu dari perdagangan dan pengangkutan jarak jauh kepada perdagangan tempatan. Perahu-perahu besar tidak lagi digunakan kerana peranan pengangkutan jarak jauh sudah diambil alih oleh perahu-perahu asing.

Pada abad ke-18M, kelihatan penglibatan yang aktif dari kalangan raja-raja dan pembesar tempatan di sekitar Selat Melaka dalam bidang perdagangan. Keaktifan ini telah bermula sejak abad ke-17M lagi, iaitu setelah kedatangan lebih banyak kuasa Barat ke Kepulauan ini. Di samping raja dan pembesar wujud satu lagi golongan orang Melayu yang menjalankan perdagangan secara besar-besaran iaitu golongan nakhoda atau juragan. Masyarakat Melayu kebanyakannya atau rakyat jelata jarang-jarang sekali menjalankan perdagangan, kalau adapun hanya sebagai pedagang runcit

Sebahagian besar barang dagangan orang Melayu pada abad ke-18M itu merupakan barang makanan dan hasil hutan. Komoditi utama tempatan seperti lada dan timah dan barang import seperti kain dan candu merupakan dagangan monopolii oleh pihak penguasa tempatan dan Syarikat Hindia Timur Belanda (V.O.C.).

Sungguhpun kegiatan perdagangan dan perkapalan orang Melayu begitu aktif pada separuh kedua abad ke-18M itu, akan tetapi bila masuk abad ke-19M, kegiatan ini mula menurun dan akhirnya lesap.

ABSTRACT

This study is an investigation of the history of the Malay's trade and shipping special reference to the Straits of Malacca within the 15th to the 18th centuries. The research was conducted by the synthesis approach or the continuity and change approach. This approach observes the continuity amidst the various changes in the trade and shipping of the Malays.

There exist a hypothesis that the Malays were involved in large scale trading since ancient times. This is based on their strategic location with respect to the shipping environment and also their commercial products that were in international demand. But after the study was conducted, it was found that the hypothesis could not be upheld in its entirety. Numerous differences had occurred in that period of time.

From the shipping viewpoint, it was found that the Malays were actually observing this tradition since the early times up to the 19th century. They were using various types and sizes of ships or *prahus*, and were observing their own maritime laws. Even though the ships begin to shrink in size towards the 15th century onwards because of the change in the role of Malay shipping in the region from long distance trade to local trade. Big ships were no longer needed because long distance transportation of goods had been taken over by foreign ships.


In the 18th century, the rajas and local nobles in and around the Straits of Malacca seemed to be playing an active role in trade. The increase in numbers of Western powers in the Archipelago saw the increased of the activities of the rajas and nobles from as early as the 17th century. Besides the rajas and nobles, there existed a group of Malays known as the *nakhoda* or *juragan* (captain of the ships) who were also important traders. The remainder of the Malay community or *rakyat* seldom trade, and if any it is confined to petty trading.

Most of the goods traded by the Malays in the 18th century were in the form of foodstuff and forest products. The main local commodities of that time such as papers and tin as well as imported goods such as cloth and opium were monopolised products of the local authorities and the Dutch East India Company (V O C)

The period of the the second half of the 18th century saw the height of trading and shipping activities of the Malays but these soon declined and finally vanished at the beginning of the 19th century.

KEPENDEKAN

ed.	<i>edition, edited</i>
E.I.C.	<i>East India Company</i> (Syarikat Hindia Timur Inggeris).
H.	Hijrah
h.	halaman
JHSUM	<i>Journal of Historical Society University Malaya</i> .
JIAEA	<i>Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia</i> .
jld.	jilid
JMBRAS	<i>Journal of Malayan Malaysian Branch, Royal Asiatic Society</i> .
JRASMB	<i>Journal of Royal Asiatic Society Malaysian Branch</i>
JSBRAS	<i>Journal of the Straits Branch, Royal Asiatic Society</i> .
JSEAH	<i>Journal of South East Asian History</i> .
JSEAS	<i>Journal of South East Asian Studies</i> .
KITLV	<i>Koninklijk Instituut Voo Taal, Land-en Volkenkunde</i> .
M.	Masihi
R.A.S.	<i>Royal Asiatic Society</i> .
S.a.w.	<i>Salla'allahu 'alaihi wa Sallam</i>
S.O.A.S	<i>School of Oriental and African Studies</i> .
s.w.t.	<i>Subhanahu wa Ta'ala</i>
ter.	terjemahan
V.O.C.	<i>Verenigde Oost - Indische Compagnie</i> (Syarikat Hindia Timur Belanda)



Peta 1

Peta Selat Melaka dan Kawasan Sekitarnya

(Dipetik daripada peta Asia Tenggara yang lebih besar lakaran J.B. Tassin & mengiringi: M.Moor, *Notices of the Indian Archipelago and Adjacent Countries*

PENDAHULUAN

Kajian dan Sumber

Kajian ini menumpukan perhatian kepada sejarah perdagangan dan perkapanan Melayu dari abad ke-15 hingga ke abad ke-18M di Selat Melaka dengan tumpuan kepada cara-cara perdagangan dijalankan, jenis barang yang didagangkan, undang perdagangan dan perkapanan. Akan dibincangkan juga tentang pegawai yang bertanggungjawab tentang perdagangan di pelabuhan-pelabuhan Melayu di Selat Melaka dan peranan perlanunian dalam perdagangan. Sebenarnya sejarah perdagangan dan perkapanan di Selat Melaka ini telah menarik perhatian ramai sejarawan, akan tetapi mereka tidak memfokuskan kepada tema ini. Namun demikian tidak ada kajian tentang perdagangan dan perkapanan Melayu ini yang tertulis di dalam bahasa Melayu.

Anthony Reid dalam buku-bukunya, *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680, Vol. 1¹ & 2²*, hanya menyentuh sedikit sahaja peranan orang Melayu dalam perdagangan. Di samping itu perbincangannya hanya tertumpu kepada abad ke-17M. Dalam hal perkapanan juga hanya sedikit yang dibincangkan.³ Penulis-penulis lain seperti M.A.P. Meilink-Roelofsz⁴ dan J.C. van Leur⁵ juga menulis bagi abad yang sama. Mereka juga banyak tertumpu kepada perdagangan Melaka

¹ A.Reid, *Southeast Asia in the Age of Commerce, 1450-1680, Vol. One: The Land Below the Winds*, New Haven: Yale University Press, 1988.

² A.Reid, *Southeast Asia in the Age of Commerce, 1450-1680, Vol. Two: Expansion and Crisis*, New Haven: Yale University Press, 1993.

³ A.Reid, *ibid*, h. 36-53.

⁴ M.A.P.Meilink-Roelofsz, *Asian Trade and European Influence in the Indonesia Archipelago Between 1500 and about 1630*, The Hague: Martinus Nijhoff, 1962.

⁵ J.C.van Leur, *Indonesian Trade and Society*, The Hague: W.van Hoeve Pub., 1967

samping itu terdapat penulis-penulis yang menulis tentang perdagangan perkapalan di Selat Melaka, tetapi memberi tumpuan kepada kegiatan perdagangan dan perkapalan Barat dan bukan Melayu seperti D Lewis⁶, S Arasaratnam dan K.N.Chaudhuri⁷.

Banyak kajian yang telah dijalankan tentang undang-undang Melayu, khususnya tentang **Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka**, namun ada satupun yang membincangkan secara mendalam perhubungan undang-undang dengan perdagangan Melayu. Begitu juga kajian yang dibuat terhadap Kanun Pati Undang-undang Kedah, dan Adat Aceh. Hampir semua membincangkan undang-undang itu dari sudut jenayah dan kekuasaan kerajaan. A Reid sempamanya menyatakan bahawa orang-orang Melayu berdagang menggunakan hukum-hukum yang sebahagian besarnya dipinjam daripada hukum Islam⁸, akan tetapi tidak penelitian yang mendalam tentang hal ini. Dalam kajian ini, penelitian akan dilakukan tentang peraturan dan undang-undang yang mengawal perkapalan dan perdagangan orang-orang Melayu pada abad-abad yang dinyatakan itu dengan merujuk kepada undang-undang yang disebutkan tadi. Undang-undang Melayu ini khususnya Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka memang terkenal sebagai undang-undang

⁶ D.Lewis, *Jan Compagnie in the Straits of Malacca, 1611-1795*, Athens Ohio University Center International Studies, 1995.

⁷ A.Araseratnam, *Islamic Merchant Communities of the Indian Subcontinent in Southeast Asia*, Kuala Lumpur:University Malaya, 1989.

⁸ K.N.Chaudhuri, *Trade and Civilization in the Indian Ocean*, Cambridge:Cambridge University Press, 1985.

⁹ A.Reid, "Islamization and Christianization in Southeast Asia: The Critical Phase, 1550-1650", dalam A.Reid (ed), *Southeast Asia in the Early Modern Era*, London: Cornell University Press, 1993, h. 1

yang adil, malah diiktiraf oleh orang-orang Portugis yang telah datang men Melaka pada tahun 1511M.¹⁰

Undang-undang Laut Melaka itu bukan sahaja telah digunakan dalam z kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, tetapi juga pada zaman selepasnya d beberapa versi. Di antara beberapa versi yang telah ditemui, terdapat dua versi dipercayai digunakan pada abad ke-18M. Undang-undang ini yang dikenali set **Undang-undang Perahu** dan **Undang-undang Belayar** belum lagi ba dibincangkan oleh pengkaji sungguhpun Undang-undang Belayar sudah diterbitkan oleh Edwar Djamaris di Jakarta.¹¹ Dalam kajian ini, kedua-dua undang itu akan lebih banyak dirujuk, bukan hanya kerana ia dipercayai sebagai v yang terkemudian, tetapi juga kerana fasal yang terkandung di dalamnya lebih ban dan banyak mengandungi peraturan tentang perdagangan dan perkongsian berdag Salinan dokumen ini saya perolehi dari Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda bawah kod OR 3292 untuk **Undang-undang Perahu** dan OR 3293 untuk **Undang Belayar.**

Di samping itu kajian ini juga akan banyak menggunakan dokumen-dokumen Mel seperti surat-surat persendirian dan surat-surat perjanjian rasmi. Sebahag daripadanya saya salin dan saya tempatkan di bahagian lampiran.¹² Pengkaji c

¹⁰ A. Cortesao (ed), *Suma Oriental*, London: The Hakluyt Soc., 1967, h. 274

¹¹ Abu Hassan Sham & Mariyam Salim, *Sastera Undang-undang*, Kuala Lumpur Dewan Bahasa & Pustaka, 1995, h. 215.

¹² Sebahagian daripada surat itu telah pun diterbitkan di dalam A. T. Gallop, *Warisan Warkah Melaka*, London: British Library, 1994. Saya hanya menyalin surat-surat yang belum pernah diterbitkan ya saya perolehi dari Perpustakaan S.O.A.S., University London, Perpustakaan R.A.S., Perpustaka University Leiden dan Perpustakan British, London.

penulis-penulis Barat seperti A.Reid, D.Lewis dan Boxer, banyak bergantung dokumen dalam bahasa Belanda. Surat-surat yang dikenali sebagai *Francis Letters* jarang-jarang dirujuk. Kalau adapun hanya satu dua daripada surat itu sebenarnya berjumlah beratus-ratus pucuk. Di sini juga saya akan menggali dokumen-dokumen itu (walaupun tidak kesemuanya kerana ketidakmampuan memperolehinya) sebagai sumber di samping Surat-surat Raffles dan sura perhubungan di antara Sultan Baha'uddin Palembang dengan Gabnor Jeneral Besi Betawi yang diperolehi dari simpanan *Royal Asiatic Society*, London.

Dalam mengkaji kegiatan perdagangan di antara negeri-negeri Melayu dan Melaka pada separuh kedua abad ke-18M, saya akan banyak menggunakan sumber yang merupakan **Rekod Perkapalan Belanda di Melaka** pada abad ke-18. Walaupun rekod ini dikatakan bermula pada tahun 1641 hingga 1814M, akan tetapi bukan semua rekod itu dapat dibaca. Sebahagian besarnya telah rosak dan sifatnya tidak boleh untuk dibaca. Malah yang masih boleh dibacapun, agak sukar untuk membacanya kerana, filem mikro yang digunakan tidak berada dalam keadaan yang baik. Samping itu terdapat juga masalah untuk mencari rekod perkapanan itu di dalam rekod-rekod yang dibuat sehingga tahun 1761M. Hanya selepas tahun itu (1761) barulah rekod perkapanan ini tersusun agak rapi. Justeru kerana itu hanya lapan tahun-tahun tertentu sahaja dapat digunakan, iaitu; 1761, 1770, 1781, 1782, 1783, 1784, 1785, 1790, 1791M. Filem mikro ini diperolehi dari Perpustakaan Universiti Malaya dan juga dari Arkib Kolonial, The Hague, Belanda. Namun demikian

panduan yang dibuat oleh Lee Kam Heng dalam *Kapal dan Harta Karam*¹³ kertas kerja A.Reid dan R.Fernando¹⁴ tentang rekod itu sangat membantu penulisan ini.

Seperti yang telah dinyatakan, kajian ini akan menumpukan perhatian kepada kegiatan perdagangan dan perkапalan Melayu dari abad ke-15 hingga abad ke-19. Namun demikian sebahagian besar daripada perbincangannya dalam batas terkemudian (Bab VI -VII) tertumpu kepada abad ke-18M. Tumpuan kepada masa ini adalah kerana pada masa itulah perdagangan dan perkапalan Melayu jelas kelihatan meningkat setelah ia dipercaya runtuh akibat kedatangan penguasa kolonial Barat pada abad ke-16 dan 17M. Di samping itu pada masa ini, khususnya pada separuh kedua abad ke-18M. jugalah diperolehi banyak dokumen membuktikan peningkatan kegiatan perdagangan dan perkапalan itu baik dari pihak Inggeris (*Francis Light's Letters*) maupun dari pihak Belanda (Daftar Perkapalan Belanda di Melaka).

¹³ Lihat Lee Kam Heng, "The Shipping Lists of Dutch Malaka. A Source For The Study of Coatal Trade and Shipping in The Malay Peninsula During the 17th and 18th Centuries," dlm *Kapal dan Harta Karam*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Negara, 1986, h. 53-76.

¹⁴ Lihat A.Reid & R.Fernando, "Shipping on Melaka and Singapore as an Index of Growth, 1760-1840," kertas kerja yang dibentangkan dalam 13th Conference International Association of Historian of Asia, Sophia University, Tokyo, Sept. 1994.

PENGENALAN

Latar Belakang

Setelah jatuhnya kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511M, kerajaan Melayu sebenarnya tidak musnah. Apa yang musnah hanyalah kerajaan Melaka, akan tetapi ini bukanlah konsep berkerajaan dalam budaya Melayu. Bu Melayu jelas mencatatkan bahawa di mana ada raja yang sah di situlah ada kerajaan. Jatuhnya Melaka ke tangan Portugis bukan bermakna hilangnya kerajaan Melayu. Kerajaan akan muncul di mana raja Melayu itu menetap kemudiannya. Mula-mula di Pahang dan kemudian di Johor. Orang Melayu pada masa itu tidak mengidentiti dirinya sebagai satu bangsa seperti orang Cina atau orang Anam, tetapi sebagai rakyat seseorang raja. Jika ditanya tentang identitinya, ia akan menjawab bahawa dirinya adalah rakyat atau hamba seseorang raja.¹⁵ Oleh itu di mana ada kerajaan. Tempat tidak menjadi satu perkara penting untuk penubuhan kerajaan Melayu. Rakyat akan terus setia kepada raja asal mereka dan bukan kepada pemerintah baru. Dalam kes ini rakyat Melaka terus taat kepada Sultan Mahan Syah walau di mana baginda berada, baik di Pahang atau di Riau mahupun di Kam (Sumatera). Malah sebahagian besar rakyat turut berpindah mengikut Sultan Portugis sebagai penguasa baru di Melaka, bukan tuan mereka.

Jatuhnya kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511M, dan diikuti oleh kedatangan lebih banyak kuasa Barat ke Asia Tenggara kelihatan seolah-o

¹⁵ A.C.Milner, *KERAJAAN:Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*, Tucson: University of Arizona Press, 1982, h. 2.

menutup pintu rezeki orang-orang Melayu dalam bidang perdagangan. Peng yang pesat kuasa-kuasa Barat ini dalam perdagangan di Kepulauan Melayu menimbulkan pendapat bahawa dengannya telah musnah perdagangan pribi kawasan ini. Kerana kegiatan monopoli yang dijalankan oleh mereka penandatanganan perjanjian berat sebelah yang mereka lakukan dengan pem tempatan dan juga beberapa sebab lain yang akan dibincangkan nanti, menyebabkan musnahnya kegiatan perdagangan penduduk tempatan sejak abad 17M lagi dan seterusnya memusnahkan sama sekali asas ekonomi tradisional orang Melayu.¹⁶

Andaian ini yang sering digunakan oleh pegawai dan penulis Barat seperti S.R. dan J.Crawfurd dalam menerangkan sebab kemunduran dan kelemahan orang Melayu pada mulanya agak sukar untuk ditolak. Akan tetapi dengan peng beberapa rekod perkапalan Belanda di Melaka pada abad ke-18M dan juga menyurat di antara pembesar-pembesar Melayu kepada pihak Inggeris, didakwaan ini agak meleset. Walaupun nampaknya perdagangan antara ba pedagang-pedagang Melayu ini telah musnah, akan tetapi perdagangan di ar pelabuhan-pelabuhan tempatan tetap berkembang pesat, khususnya di pelabuhan-pelabuhan yang dikendalikan oleh orang-orang Belanda dan Ing seperti Melaka dan Pulau Pinang. Daftar Perkapalan Belanda di Melaka pada

¹⁶ Istilah Melayu ini telah banyak diperbincangkan. Siapakah sebenarnya yang dikatakan Melayu itu? Perbincangan tentangnya akan dibuat kemudian.

Ariffin Omar mengatakan bahawa asas ekonomi orang Melayu ketika itu adalah pertanian sara diri dengan sedikit-sedikit perdagangan barter (tukar barang). Lihat Ariffin Omar, *Bangsa Melayu: Mak Concepts of Democracy and Community 1945-1950*, Kuala Lumpur Oxford University Press, 1993.

ke-18M menunjukkan dengan jelas bertapa pesatnya perdagangan itu walaupun kapal-kapal Melayu yang datang berdagang itu tidaklah lagi kapal-kapal besar : pada abad sebelumnya dan barang yang dibawanya tidaklah sebanyak sebelumnya. Namun demikian ratusan perahu kecil kepunyaan orang Melayu melayari Melaka bagi memperdagangkan hasil keluaran tempatan dan membeli barang-barang dibawa dari luar.

Oleh kerana seluruh tradisi ekonomi kerajaan-kerajaan Melayu bergantung kepada perdagangan, tradisi ini juga diteruskan di mana-mana sahaja raja itu bertemu. Perdagangan berjalan terus malah dalam masa-masa tertentu dapat meningkat. Perdagangan yang dijalankan di Melaka yang dikuasai oleh Portugis. Tindakan Portugis kemudiannya untuk memusatkan perdagangan di Melaka memperolehi hasil yang sebaliknya. Melaka ditinggalkan. Namun demikian oleh kerana peningkatan perdagangan yang begitu pesat di Selat Melaka ketika itu, pihak Portugis masih belum memperolehi sebahagian daripada perdagangan itu..

Halangan dan peraturan-peraturan yang dibuat oleh Portugis dalam usahanya untuk memonopoli perdagangan menyebabkan pedagang-pedagang luar beralih ke pelabuhan-pelabuhan lain di utara dan selatan Selat Melaka. Justeru kerana kelihatan kerajaan-kerajaan pribumi lebih menguasai perdagangan; kerajaan Jolok Riau di selatan, manakala kerajaan Aceh di utara hingga akhirnya menimbulkan konflik di antara kedua kerajaan itu. Pertelagahan di antara kerajaan-kerajaan pribumi tadi telah menyelamatkan Portugis di Melaka dan membolehkan ia sed

sebanyak berkongsi mengaut keuntungan perdagangan yang pesat berjalan di Melaka ketika itu. Serangan kerajaan-kerajaan pribumi yang tidak bersatu k Melaka, mudah dipatahkan oleh Portugis. Justeru itu kelihatan pada ketika-ket wujud semacam kompromi di antara ketiga-tiga kuasa itu dalam hal perdaga Walaupun wujud permusuhan di antara kerajaan Aceh dengan Johor, kerajaan dengan Melaka, Melaka dengan Aceh, akan tetapi perahu-perahu dagang m tetap kunjung mengunjungi pelabuhan masing-masing.¹⁷

Setelah Melaka jatuh ke tangan Belanda (1641M), keadaan yang sama berter Akan tetapi apabila masuk abad ke-18M, kelihatan satu peningkatan perdaga berlaku. Selat Melaka menjadi semakin sibuk dengan pelbagai jenis perahu kapal, baik dari barat maupun dari timur.¹⁸ Baik yang giat menjalankan perdaga dengan pelabuhan-pelabuhan tempatan maupun yang hanya menjadikan pelabuhan itu sebagai *port of call* atau pelabuhan persinggahan bagi kapal-kapal berulang alik dari India ke China atau sebaliknya. Di kala ini juga kelihatan perahu tempatan lebih giat dalam usaha-usaha perdagangan. Pelbagai dagang dijalankan. Tumpuan kini bukan hanya kepada Melaka, Aceh dan Riau tetapi pelabuhan-pelabuhan kecil yang terdapat di pesisir selat itu bagi mendapat bekalan mentah seperti beras, sagu, timah, rotan dan lada hitam. Pelabuhan pelabuhan seperti Kedah (Kuala Kedah), Perak (Pulau Dinding), Siak, Indra

¹⁷ Lihat A.H. Markham (ed), *The Voyages and Works of John Davis the Navigator*, London Hakluyt Soc., 1880, h. 146-47.

¹⁸ Perdagangan dengan China semakin meningkat pada masa ini kerana pada tahun 1729M, Maharajah Cina telah menarik kembali pengharaman jong-jong Cina belayar ke pelabuhan-pelabuhan di Asia Tenggara. Lihat B.W. Andaya & L.Y. Andaya, *History of Malaysia*, London Macmillan Press, 1928, 89.

Kampar, Batu Bara dan Asahan menjadi terkenal. Perahu-perahu tempatar sebahagian besarnya merupakan perahu-perahu kecil yang jarang-jarang membawa lebih daripada 20 orang awak (anak perahu) begitu penting ketik Perahu-perahu inilah yang membekalkan pelabuhan-pelabuhan *core*¹⁹ merupakan pusat kegiatan ekonomi di mana terfokusnya kekayaan pengumpulan modal kawasan ini seperti Melaka dan Riau dengan bahan-bahan dari kawasan-kawasan mereka dan mengagihkan barang import diturunkan di *core* itu ke kawasan sekitar.

Abad ke-18M merupakan abad pancaroba di kalangan negeri-negeri Melayu. Hal tidak ada satupun negeri Melayu yang mempunyai kerajaan yang stabil ketik; Setiap satunya mempunyai masalah tentang penggugatan takhta seperti pe-saudara, pemberontakan atau ancaman dari luar. Aceh umpamanya dilanda perebutan kuasa sejak Ratu Kamalat Syah diturunkan dari takhta pada 1655. Perebutan takhta merupakan fenomena utama yang sering berlaku di Aceh sepanjang abad itu. Tidak ada sultan Aceh selepas Kamalat Syah yang terkecuali dari gangguan kebangkitan dan perebutan kuasa. Ada yang hanya mampu menduduki takhta selama beberapa hari sahaja.²⁰ Ada kalanya dua orang raja memerintah Aceh

¹⁹ Sebuah *core* merupakan sebuah pusat kegiatan ekonomi - sebuah tempat tumpuan kekayaan pengumpulan modal; sebuah tempat di mana enterprise perdagangan dapat diasaskan, pusat jari-jaring pengangkutan; sebuah pasar; sebuah tempat yang dapat menarik aktiviti-aktiviti industri dan ins-kewangan yang akan mendapat keuntungan daripada penimbunan kegiatan ekonomi di sebuah lembaga pusat. Lihat W.Kirk, "South East Asia in the colonial period; cores and peripheries in development processes," dlm. Denis Dwyer (ed.), *South East Asia Development: Geographical Perspectives*, York:Longman Scientific dan Technical, 1990, h.15.

²⁰ Sultan-sultan Aceh yang hanya memerintah beberapa hari itu termasuklah Sultan Jauhar al-alam ad-din Syah (20 hari), Sultan Syams al-alam (30 hari) dan Sulaiman Syah (30 hari) i R.H.Djajadiningsrat, *Kesultanan Aceh*, Banda Aceh:Departemen Pendidikan dan Kebudayaan A 1982/83, h. 66. Lihat juga K.F.H. van Langen, *Susun ciri Pemerintahan Aceh Semasa Kesultanan*, B Aceh:Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh, 1986, h. 19.

dalam satu masa.²¹

Di Kedah perebutan kuasa dan perang saudara memenuhi hampir sepanjang abad ke-18M. Perebutan kuasa di antara Tengku Muhammad Jiwa dengan adindanya Nambang serta anak-anak raja Kedah yang lain telah membawa campur tangan Minangkabau dan Bugis dalam hak ekhwäl negeri Kedah.²² Keadaan yang berlaku di Perak. Perbalahan di antara Sultan Muzafar dengan Raja Iskandar membahagikan Perak kepada dua bahagian. Hulu Perak kepada Sultan Muhammad manakala hilir Perak kepada Raja Iskandar. Walaupun perdamaian terkemudian, akan tetapi masih wujud pertelingkahan di kalangan pembesar.²³ Perebutan takhta juga berlaku di Siak. Anak-anak raja Siak sering bertelagah dan silih bersama menaiki tahta kerajaan itu.²⁴ Di Johor keadaan agak berlainan sedikit, walaupun terdapat sedikit kedamaian selepas terbunuuhnya Sultan Mahmud (Mangkat Dijuluki pada tahun 1699M, akan tetapi setelah Raja Kecil menuntut tahta Johor bermula campur tangan orang Minangkabau di Johor-Riau dan kemudian diikuti oleh orang Bugis).²⁵

Walaupun begitu hebat pergolakan yang berlaku di dalam negeri-negeri Melayu pada masa itu, akan tetapi abad ke-18M merupakan abad di mana terdapat peningkatan

²¹ *Ibid.*, h. 17-20.

²² B.W.Andaya, "The Role of Anak Raja in Malay History," dlm. *JSEAS*, Vol VII, No 2, Sept. 1971-1986. Lihat juga Buyung Adil, *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, 28-39.

²³ B.W.Andaya & L.Y.Andaya, *op.cit.*, h. 87-88.

²⁴ Lihat Muhammad Yusoff Hashim (ed), *Hikayat Siak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, h. 124-242.

²⁵ Lihat V.M.Hooker (ed), *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

yang jelas dalam perkapalan dan perdagangan orang-orang Melayu di Selat Melaka. Ia dapat diibaratkan seperti “*the last burst of the flame*”, sebelum api itu padam kemudiannya. Dalam hal ini peningkatan itu begitu sementara kerana apabila ia ke abad ke-19M, khususnya selepas termeterinya Perjanjian Inggeris-Belanda (1824M), perdagangan dan perkapalan Melayu mengikut terus dan akhirnya bersama sekali apabila menjelang ke suku akhir abad ke-19M seperti padamnya api setelah memancar seketika sebelum ia padam terus.

Oleh kerana itu merupakan matlamat tesis ini untuk meneliti tentang fluktuasi perdagangan orang-orang Melayu di Selat Melaka pada abad-abad yang dinyatakan itu, khususnya pada abad ke-18M.

Istilah Melayu

Walaupun telah beberapa kali disebut terdahulu tentang bangsa atau orang Melayu akan tetapi siapakah yang dikatakan orang Melayu itu? Tidak ada definisi yang jelas yang telah dikemukakan bagi menjelaskan siapa yang dapat digolongkan ke dalam bangsa Melayu. Ariffin Omar dalam bukunya *Bangsa Melayu; Malay Concept Democracy and Community 1945-50* juga tidak dapat memberikan satu definisi panduan yang jelas tentang siapa yang boleh dianggap sebagai bangsa Melayu. Apa yang dikatakannya hanyalah pada masa kebangkitan semangat kebangsaan Melayu pada awal abad ke-20M yang lalu, orang-orang Melayu yang menganggap diri mereka sebagai orang Melayu tulen menolak golongan peranakan, sama

peranakan India atau Arab sebagai bangsa Melayu. Malah terdapat golongan mempersoalkan apakah mereka (golongan peranakan) itu sebenarnya per Melayu?²⁶

R.O.Winstedt dalam bukunya *The Malays, A Cultural History*, cuba menjelaskan siapakah yang dikatakan orang Melayu dan dari mana asal mereka. Namun demikian masih terdapat banyak kelemahan dalam definisinya. Mengikut Winstedt, dikatakan Melayu itu terbahagi kepada dua pengertian; pertama, orang Melayu = orang-orang yang merupakan bumiputera di sekitar Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera, manakala dalam erti kata yang lebih luas, orang Melayu adalah penduduk asal Kepulauan Melayu, Farmosa, Filipina dan beberapa puak yang menempati wilayah Indochina.²⁷ Pada umumnya dikatakan penduduk asal Semenanjung Tanah Melayu, kecuali Orang Asli dianggap sebagai orang Melayu. Mereka ini merupakan kaum bumiputera yang mendiami bahagian selatan Thailand hingga ke Kepulauan Riau.

Definisi yang sebegini tidak dapat memberi gambaran yang jelas tentang siapa yang sebenarnya orang Melayu. Perlembagaan Malaysia pula mentakrifkan bahawa orang dikatakan Melayu itu mestilah beragama Islam, bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan cara hidup Melayu.²⁸ Jika tidak Islam, dia tidak dianggap set

²⁶ Ariffin Omar, *op.cit.*, h.14-16.

²⁷ Lihat R.Winstedt, *The Malays, A Cultural History*, Singapore:Graham Brash, 1981, h. 4

²⁸ Artikel 160 (2), Perlembagaan Malaysia mencatatkan; "Melayu" ertiinya seseorang yang mengamalkan agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu . . .". Lihat Perlembagaan Persekutuan Berserta Index, Kuala Lumpur:MDC Penerbit Pencetak Sdn. Bhd., 1998, h. 123. juga, L.A.Sheridan, *The Constitution of Malaysia*, Singapore:Malayan Law Journal (pte.) Ltd., 1984, 421.

Melayu walaupun dia mengamalkan cara hidup seperti orang Melayu. Takrifar lebih menyulitkan keadaan. Apakah seorang India Muslim yang telah tinggal di sini yang budayanya tidak jauh berbeza daripada orang Melayu dapat digolong sebagai orang Melayu? Begitu juga, apakah orang Cina, orang Barat atau Afrika yang beragama Islam dan tinggal lama di sini dapat digolongkan ke bangsa Melayu semata-mata kerana mereka telah berbudaya Melayu? Nampak praktisnya, orang-orang begini memang diterima sebagai orang Melayu, walaupun mereka itu dari generasi pertama.²⁹

Dalam catatan-catatan orang Barat sejak abad ke-16M, seperti catatan Tome John Davis, William Dampier dan J.A.Pope, semua penduduk di kawasan Melaka ini mereka panggil *Malayan/Malay* (Melayu). Namun demikian apa yang digunakan oleh mereka untuk menentukan siapakah *Malayan* atau *Malay* tidak dapat diketahui. Sekiranya bahasa digunakan sebagai alat penentu klasifikasi ini, ia hanya akan merumitkan kerana bahasa Melayu sehingga abad kedua digunakan sebagai *lingua franca* di Kepulauan ini. Setiap bangsa yang singgah manapun pelabuhan perdagangan di kawasan ini perlu menggunakan bahasa Melayu dalam urusan perdagangan mereka. Mereka yang tidak pandai berbahasa Melayu dianggap “kampungan”.³⁰ Budaya, kepercayaan serta adat resam juga

²⁹ Contoh yang jelas dalam hal ini ialah Dato' Abdul Kadir bin Syiekh Fadil, Menteri Kebudayaan dan Perancangan. Sementara Perdana Menteri Dr.Mahathir Muhammad, bekas Timbalan Perdana Menteri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi, Syed Hamid Albar dan Zain Rahim Tambi Cik bekas Ketua Menteri Melaka merupakan generasi kedua dan ketiga. Sebelumnya Abdullah bin Abdul Kadir Munshi yang seratus peratus bukan berdarah Melayu diterima sebagai Melayu. Bapa Abdullah seorang Arab manakala ibunya seorang Cilia (India Islam). Lihat Abdulla Abdul Kadir Munshi, *Hikayat Abdillah*, Kuala Lumpur:Pustaka Antara, 1964, h. 47

³⁰ A.C.Milner, *op.cit.*, h. 3.

untuk dijadikan ukuran kerana setiap puak dari ras Melayu di kawasan Kepula mempunyai budaya dan adat resam yang seakan-akan sama.³¹ Begitu juga bentuk fizikal serta warna kulit mereka. Namun demikian pengembara dan pasing yang datang ke Kepulauan ini mendapati bahawa setiap orang (bangsa) itu mempunyai kesedaran bahawa mereka mempunyai perpaduan buday berkongsi bahasa, kesusasteraan dan cara hidup yang sama.³²

Dalam peristilahan suku Melayu di Sumatera, Lah Husny mengatakan bahawa, “*Suku bangsa Melayu pesisir Sumatera Timur berdiam di Propinsi Sumatera bagian Timur. Daerah menjulur dari dataran pantai ke barat hingga si kedataran berbukit-bukit mulai dari Kabupaten Aceh Timur, Langkat, Deli Ser Asahan sampai dengan daerah Labuhan Batu, sepanjang 280KM dari Barat ke Tenggara.*

Yang dimaksud dengan suku Melayu itu ialah golongan bangsa yang mena dirinya dalam perbauran ikatan perkahwinan antar suku bangsa serta memakai resam dan bahasa Melayu secara sedar dan berlanyutan.”³³

Jelasnya orang Melayu tidak tertumpu ke dalam sebuah negara bangsa atau *n state*. Tidak ada sempadan fizikal bagi bangsa ini. Seperti kata J.Crawfurd, mereka menghuni separuh daripada pulau Sumatera, termasuk seluruh pantai timur sebahagian daripada pantai barat pulau itu. Mereka juga menghuni di sekitar pulau Borneo dan merupakan seluruh penduduk Semenanjung Tanah Melayu, ke Orang Aslinya.³⁴ Crawfurd juga mengatakan bahawa dalam kumpulan bangsa Me

³¹ *Ibid.*, h. 2-3.

³² A.C.Milner, *op.cit.*, h. 11.

³³ Lihat Tengku H.M.Lah Husny, *Lintasan Sejarah Peradaban dan Budaya Penduduk Melayu P Deli Sumatera Timur, 1612-1950*, Medan:Bp.Husny, 1975, h. 7. Lihat juga, Mahadi, *Sedikit "Se Perkembangan Hak-hak Suku Melayu atas Tanah di Sumatera Timur"* (Tahun 1800-1 Bandung:Penerbit Alumhi, 1978, h. 13.

³⁴ J.Crawfurd, *A Descriptive Dictionary of the Indian Islands and Adjacent Countries*, 1 Lumpur:Oxford University Press, 1971, h. 249. Lihat juga A.C.Milner, *op.cit.*, h. 11

itu terdapat juga ramai yang bukan dari keturunan Melayu tulen, akan tetapi menerima pakai bahasa, adat resam dan agama orang-orang Melayu dan akhirnya setelah masa berlalu tidak dapat dibezakan lagi daripada orang Melayu sebenar.

Apa yang dikatakan oleh Crawfurd ini mungkin agak tepat kerana Tun Seri Lanang yang penyusun kitab *Sejarah Melayu* yang terkenal itu sendiri sambil mengaku dia orang berbangsa Melayu juga mengaku bahawa beliau adalah keturunan Mani Purin seorang pedagang keturunan India yang datang ke Melaka dalam zaman Sultan Muhammad Syah. Beliau mencatatkan;

*"Setelah fakir mendengar demikian, jadi beratlah atas anggota faqir alladzi murakkabun 'ala 'l-jahli Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang tun timangnya, Paduka Raja gelarannya Bendahara, anak Orang Kaya Paduka cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Nara Wangsa, putri Bendahara Seri Maharaja anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purin qaddasa 'illahu Sirrahum, Melayu bangsanya dari Bukit Siguntang Mahari Malakat negerinya, Batu Sawar daru 'l-salam..."*³⁶

Oleh yang demikian dalam kajian ini, semua golongan itu akan diterima sebagai orang Melayu kecuali yang jelas identitinya seperti orang Culia, Keling (Tamil Hindu), Kemboja, Siam, Pegu dan yang seumpama dengan mereka. Di samping itu orang dari ras Melayu di luar kawasan Selat Melaka seperti orang Bugis (Makassar), Jawa, Ambon, Bali, Illanun (Iranun) dan Cam tidak akan digolongkan ke dalam bangsa Melayu yang dikaji ini kecuali mereka yang telah menetap di sekitar Selat Melaka itu.³⁷

³⁵ *Ibid.*, h. 250.

³⁶ W.G.Shellabear, *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya:Fajar Bakti, 1982, h. 2

³⁷ Memang agak sukar untuk membezakan mereka daripada orang Melayu sekiranya mereka telah lahir dan tinggal di kalangan masyarakat Melayu.

Oleh kerana itu untuk tujuan kajian ini, semua bumiputera di Semenanjung Melayu termasuk orang-orang Patani dari selatan Thailand tergolong kumpulan Melayu. Begitu juga dengan penduduk Sumatera, termasuk orang Aceh, Minangkabau, Batak (Mendahiling), Jambi dan Palembang. Sebagai tambahan semua puak dari Kepulauan Melayu yang telah menetap di kawasan sekitar Melaka, seperti Bugis, Jawa, Madura, Borneo, Filipina, Meluku dan seumpama juga akan digolongkan ke dalam kumpulan Melayu kecuali mereka yang datang berdagang dan berpengkalan di wilayah-wilayah asal mereka. Oleh kerana semua anggota masyarakat ini yang menjalankan perdagangan akan dianggap pedagang Melayu, walaupun mereka bukan terdiri daripada kaum Melayu tulen merupakan bumiputera Semenanjung dan Sumatera dan menggunakan bahasa Melayu sebagai pertuturan mereka. Dengan itu juga pedagang-pedagang Cula, Arab, Cina dan Eropah yang menetap dan berdagang di sini tidak digolongkan sebagai pedagang Melayu walaupun ada kemungkinan mereka mengahwini perempuan-perempuan Melayu.